

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat utama mengenai insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: <dd/mm/yyyy>

1 Apakah RHB Wealth Advance? (Ini adalah produk insurans)

RHB Wealth Advance menawarkan kombinasi perlindungan insurans dan pelaburan. Produk ini ialah produk bayaran terhad premium berkala Polisi insurans berkaitan pelaburan (ILP) dengan perlindungan sehingga umur 128 tahun hari jadi berikut. Apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) sebelum ulang tahun polisi di mana Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi berikut, jumlah manfaat akan dibayar sekali gus.

Pelan ini juga mempunyai Inflation Shield, Bonus Kesetiaan dan manfaat tambahan untuk Kematian akibat Kemalangan/HUMK akibat Kemalangan bagi Orang yang Diinsuranskan dan Pasangan yang Sah.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM 504,500.00 setiap tahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Manfaat Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Nilai Dana Pelaburan (jika ada) DAN mana-mana yang lebih tinggi daripada yang berikut: (a) RM 5,000; atau (b) Nilai Dana Perlindungan; atau (c) Peratusan Jumlah Premium dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang tambah nilai) :														
	<table><tr><th colspan="3">Peratusan Jumlah Premium dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang tambah nilai)</th></tr><tr><th>Tahun Polisi 1 ke Tahun Polisi 2</th><th>Tahun Polisi 3 ke Tahun Polisi 5</th><th>Tahun Polisi 6 dan ke atas</th></tr><tr><td>100%</td><td>120%</td><td>Inflation Shield: Tambahan 10% setiap 5 Tahun Polisi, sehingga maksimum 200%</td></tr></table>			Peratusan Jumlah Premium dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang tambah nilai)			Tahun Polisi 1 ke Tahun Polisi 2	Tahun Polisi 3 ke Tahun Polisi 5	Tahun Polisi 6 dan ke atas	100%	120%	Inflation Shield: Tambahan 10% setiap 5 Tahun Polisi, sehingga maksimum 200%			
Peratusan Jumlah Premium dibayar untuk pelan asas (tidak termasuk sebarang tambah nilai)															
Tahun Polisi 1 ke Tahun Polisi 2	Tahun Polisi 3 ke Tahun Polisi 5	Tahun Polisi 6 dan ke atas													
100%	120%	Inflation Shield: Tambahan 10% setiap 5 Tahun Polisi, sehingga maksimum 200%													
Kematian/ HUMK akibat Kemalangan	<table><tr><th>Peristiwa</th><th>Peratusan Jumlah Asas Diinsuranskan</th><th>Jumlah (RM)</th></tr><tr><td>a) Sebarang sebab selain daripada menaiki Pengangkutan Awam dan Bencana Alam</td><td>Tambahan 100% Jumlah Asas yang Diinsuranskan</td><td>Tambahan RM 500,000</td></tr><tr><td>b) Semasa menaiki Pengangkutan Awam</td><td>Tambahan 200% Jumlah Asas yang Diinsuranskan</td><td>Tambahan RM 1,000,000</td></tr><tr><td>c) Bencana Alam</td><td>Tambahan 300% Jumlah Asas yang Diinsuranskan</td><td>Tambahan RM 1,500,000</td></tr></table>	Peristiwa	Peratusan Jumlah Asas Diinsuranskan	Jumlah (RM)	a) Sebarang sebab selain daripada menaiki Pengangkutan Awam dan Bencana Alam	Tambahan 100% Jumlah Asas yang Diinsuranskan	Tambahan RM 500,000	b) Semasa menaiki Pengangkutan Awam	Tambahan 200% Jumlah Asas yang Diinsuranskan	Tambahan RM 1,000,000	c) Bencana Alam	Tambahan 300% Jumlah Asas yang Diinsuranskan	Tambahan RM 1,500,000		
Peristiwa	Peratusan Jumlah Asas Diinsuranskan	Jumlah (RM)													
a) Sebarang sebab selain daripada menaiki Pengangkutan Awam dan Bencana Alam	Tambahan 100% Jumlah Asas yang Diinsuranskan	Tambahan RM 500,000													
b) Semasa menaiki Pengangkutan Awam	Tambahan 200% Jumlah Asas yang Diinsuranskan	Tambahan RM 1,000,000													
c) Bencana Alam	Tambahan 300% Jumlah Asas yang Diinsuranskan	Tambahan RM 1,500,000													
Manfaat Kematian/ HUMK Pasangan yang Sah akibat Kemalangan	Tambahan RM 500,000 (iaitu 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan)														
Bonus Kesetiaan	Tambahan RM 540,000 (iaitu 108% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan), akan dikreditkan ke dalam PFV dengan kadar peruntukan 100% pada akhir tahun polisi di mana Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi berikut, sekiranya polisi tersebut masih berkuatkuasa, semua premium telah dibayar sehingga terkini dan tiada pengeluaran separa telah dibuat.														
Manfaat Kematangan	Nilai Dana Perlindungan tambah dengan Nilai Dana Pelaburan (jika ada) akan dibayar.														
Jaminan Berkuatkuasa	Polisi ini tidak akan luput dalam tiga (3) tahun polisi yang pertama walaupun Jumlah Nilai Dana polisi ini jatuh ke kosong. Jaminan Berkuatkuasa ini akan kekal berkuatkuasa selagi: (a) Semua premium (termasuk Premium Asas dan Premium Tambahan Berkala) yang perlu dibayar telah dibayar dalam Tempoh Tangguh dan premium tidak dikurangkan kecuali semasa Jumlah Asas yang Diinsuranskan juga dikurangkan sewajarnya; dan (b) Tiada sebarang pengeluaran daripada Nilai Dana Perlindungan sepanjang tempoh Jaminan Berkuatkuasa														
Rider pilihan yang boleh dilampirkan untuk produk ini	- iLife Waiver 2.0 - iPayor Waiver 2.0														

Insurans berkaitan pelaburan anda **mengecualikan** :

- Bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian.
- Jika HUMK disebabkan oleh keadaan sedia ada yang telah anda alami, atau mempunyai tanda-tandanya wujud, sebelum membeli pelan (e.g. keadaan perubatan).

Catatan: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh :



Hubungi kami di:
03-2603 3999



E-mel kami di:
customercare@tokiomarinelife.com.my

3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans berkaitan pelaburan anda, anda mesti membayar premium sebanyak:					
Premium	RM 504,500.00 setiap tahun				
Tempoh Perlindungan Polisi: 98 tahun					
Tempoh Bayaran Premium: 3 tahun					
Pengendali syarikat company memperuntukkan sebahagian daripada premium yang dibayar untuk membeli unit dalam dana(-dana) pelaburan.					
Premium diperuntukkan untuk membeli unit	Sila ambil perhatian bahawa jadual berikut diilustrasi dalam Mod Pembayaran Tahunan sahaja.				
	Tahun Polisi	Premium Asas		Premium Tambahan Berkala	
		Peratusan Peruntukkan (%)	Premium Yang Diperuntukkan (RM)	Peratusan Peruntukkan (%)	Premium Yang Diperuntukkan (RM)
	1 - 3	100%	504,500.00	95%	0.00
Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.					
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:					
Caj Insurans	Caj insurans ditolak setiap bulan daripada nilai unit anda. Butiran caj insurans diberikan dalam ilustrasi jualan.				
Caj Pentadbiran	Caj Pentadbiran akan ditolak daripada Jumlah Premium Asas Perlu Dibayar setiap bulan untuk memenuhi perbelanjaan penanggung insurans, termasuk komisen yang perlu dibayar kepada bank.				
	Tahun Polisi	Caj Pentadbiran Tahunan (% daripada Jumlah Premium Asas Perlu Dibayar)			
	1	3.120%			
	2	2.500%			
	3	2.500%			
	4	1.875%			
	5	1.875%			
	6	0.000%			
	7	0.000%			
	8	0.000%			
	9 dan ke atas	0.000%			
Caj Pengurusan Dana	Sehingga 1.50% setahun aset dana anda, bergantung pada pilihan dana anda.				
Komisen	3.83% daripada premium atau RM 58,018, yang merupakan sebahagian daripada premium tunggal.				
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)	RM 0 setiap tahun				
Caj lain yang dikenakan	1. Caj Pengeluaran Separa 2. Cai Serahan				

4

Terma -terma yang lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan. - Jumlah Nilai Dana bergantung kepada prestasi dana(-dana) pelaburan yang anda pilih. - Tempoh Tangguh - Anda diberikan tempoh tangguh sebanyak tiga puluh (30) hari bermula dari Tarikh Mesti Bayar Premium untuk membayar Premium Anda, di mana semasa tempoh ini, Polisi Anda masih berkuatkuasa. - Polisi luput - Jika anda tidak membayar premium anda dalam Tempoh Tangguh dan/atau membuat pengeluaran separa, polisi anda akan luput, jika Jumlah Nilai Dana tidak mencukupi untuk membayar caj insurans atau caj lain, Jaminan Berkuatkuasa akan dibatalkan dan bayaran manfaat pada masa hadapan akan terjejas - Fi dan Caj Polisi - Caj polisi (termasuk caj insurans dan caj lain) adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans yang akan dikenakan pada masa pembaharuan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari awal kepada anda. Sebarang semakan semula yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi seterusnya. - Notis Tuntutan - Notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh masa enam puluh (60) hari dari tarikh kematian dan enam (6) bulan dari tarikh HUMK berlaku. Sila rujuk laman web korporat kami untuk memahami prosedur tuntutan. - Premium atau caj insurans boleh meningkat secara automatik selepas latihan penetapan semula caj insurans perubatan untuk iLife Waiver 2.0 dan iPayor Waiver 2.0.	
Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah polisi ini	

?

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.	
• Tempoh Bertenang - Anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan kontrak polisi kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari selepas polisi anda telah dihantar kepada anda. Setelah pembatalan polisi, kami akan memulangkan jumlah premium yang tidak diperuntukkan, Jumlah Nilai Dana pada tarikh penilaian seterusnya dan sebarang caj insurans dan caj-caj lain yang telah ditolak, tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang telah kami tanggung semasa mengeluarkan polisi	
• Selepas Tempoh Bertenang - Anda boleh membatalkan pada bila-bila masa dengan permintaan secara bertulis kepada kami. Setelah pembatalan polisi, kami akan mengembalikan Nilai Tunai kepada anda, tertakluk kepada Caj Serahan.	

MAKLUMAT PENTING:	
INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS (BERSAMA DENGAN PREMIUM TAMBAHAN BERKALA JIKA ADA) YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET PELABURAN DAN BUKAN SEJENIS PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH DAPAT BERSesuaian DENGAN RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI 'TOKOKAN'. PULANGAN DARIPADA DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.	
PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).	
Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.	
RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.	

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat utama mengenai rider anda.

Tarikh: <dd/mm/yyyy>

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda harus membacanya juga.**

1 Apakah iLife Waiver 2.0? (Ini adalah produk insurans)

iLife Waiver 2.0 merupakan rider potongan unit yang mengetepikan Premium Asas masa depan polis (tidak termasuk sebarang premium tambahan) apabila Orang yang Diinsuranskan didiagnosis dengan mana-mana Penyakit Kritikal (CI) yang dilindungi dalam tempoh perlindungan rider ini, tertakluk kepada tempoh menunggu.

Premium Asas seterusnya yang perlu dibayar (tidak termasuk sebarang premium tambahan) bermula dari tarikh diagnosis akan diketepikan sehingga tamat tempoh perlindungan rider ini atau pembatalan pelan asas, yang mana lebih awal. Sebahagian daripada jumlah amaun yang diketepikan akan diperuntukkan ke dalam dana(-dana) berkaitan pelaburan mengikut kadar peruntukan tahun polisi tersebut untuk memampkan polisi berkenaan.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, kami akan tolak unit daripada Jumlah Nilai Dana untuk membayar caj insurans anda dan anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Penyakit Kritikal	Mengetepikan premium masa hadapan polisi (tidak termasuk sebarang tambah nilai) apabila Penyakit Kritikal.
-------------------	--

Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah rider ini:

1. Kanser
2. Strok
3. Serangan Jantung

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk mendapatkan penerangan yang lanjut mengenai Penyakit Kritikal yang dilindungi.

Rider anda **mengecualikan** :

- Keadaan sedia ada yang telah Orang yang Diinsuranskan alami, atau mempunyai tanda-tandanya wujud, sebelum membeli pelan (e.g. keadaan perubatan).
- Sebarang penyakit atau pembedahan melainkan diagnosis atau pembedahan untuk Penyakit Kritikal.
- Tanda atau simptom Penyakit Kritikal telah dimanifestasikan sebelum atau dalam Tempoh Menunggu;
 - dalam masa enam puluh (60) hari untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu) dan Penyakit Arteri Koronari Serius; atau
 - dalam masa tiga puluh (30) hari untuk semua Penyakit Kritikal lain;
- Kewujudan Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau jangkitan akibat Penyakit Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami berhak untuk menghendaki Pemilik Polisi untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat sebelum menerima apa-apa tuntutan. Kejadian penyakit kritikal mengenai Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, AIDS Dengan Gejala Penuh atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan adalah dikecualikan. Untuk tujuan ini
 - (i) definisi untuk AIDS akan menggunakan definisi yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1987, atau sebarang semakan yang berikut oleh WHO pada definisi tersebut.
 - (ii) jangkitan dianggap telah berlaku apabila pada pendapat kami ujian darah dan ujian lain yang berkaitan menunjukkan kewujudan Virus Kurang Daya Tahan Manusia atau Antibodi terhadap virus tersebut.
- Kecacatan kongenital atau penyakit yang didiagnosis sebelum Pemilik Polisi berumur tujuh belas (17) tahun.
- Kecederaan diri yang disengajakan.
- Alkohol atau penyalahgunaan dadah.
- Pemilik Polisi tidak bersetuju untuk menjalani rawatan atau menentang nasihat doktor pakar.
- Pemilik Polisi hidup kurang daripada tiga puluh (30) hari selepas didiagnosis kejadian Penyakit Kritikal.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai rider anda, anda boleh :



Hubungi Kami di :
03-2603 3999



E-mel kami di:
customercare@tokiomarinelife.com.my

3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk rider anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	Tiada premium eksplisit perlu dibayar untuk rider ini kerana ini adalah rider potongan unit.
Tempoh Perlindungan Rider: 3 tahun	
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:	
Caj Insurans	Caj-caj insurans rider ini akan ditolak setiap bulan daripada nilai unit-unit anda. Maklumat caj-caj insurans rider berkenaan yang terperinci akan ditunjukkan dalam ilustrasi jualan.

4

Terma-terma yang lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau rider dimatikan. - Jumlah Nilai Dana bergantung kepada prestasi dana(-dana) pelaburan yang anda pilih. - Tempoh Menunggu - Kelayakan manfaat-manfaat rider ini hanya akan bermula: (i) 60 hari selepas Tarikh Pengeluaran/ Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian, untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintas Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu), dan Penyakit Arteri Koronari Serius. (ii) 30 hari selepas Tarikh Pengeluaran/ Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian, untuk Penyakit Kritikal lain yang dilindungi. - Tempoh Tangguh - Anda diberikan tempoh tangguh sebanyak tiga puluh (30) hari bermula dari Tarikh Mesti Bayar Premium untuk membayar Premium Anda, di mana semasa tempoh ini, Rider Anda masih berkuatkuasa. - Rider luput - Jika anda tidak membayar premium anda dalam Tempoh Tangguh dan/atau membuat pengeluaran separa, rider anda akan luput, jika Jumlah Nilai Dana tidak mencukupi untuk membayar caj insurans atau caj lain, Jaminan Berkuatkuasa akan dibatalkan dan bayaran manfaat pada masa hadapan akan terjejas. - Caj Insurans - Caj insurans adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans yang akan dikenakan pada masa pembaharuan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari awal kepada anda. Sebarang semakan semula yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada ulang tahun rider seterusnya. - Notis Tuntutan - Notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh diagnosis sebarang Penyakit Kritikal. Sila rujuk laman web korporat kami untuk memahami prosedur tuntutan. - Caj insurans boleh meningkat secara automatik selepas latihan penetapan semula caj insurans perubatan untuk iLife Waiver 2.0. Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah rider ini.	
---	--

?

Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Tempoh Bertenang - Anda boleh membatalkan rider anda dengan mengembalikan kontrak polisi kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari selepas rider anda telah dihantar kepada anda. Setelah pembatalan rider, kami akan memulangkan caj insurans penuh bagi rider ini, selepas menolak sebarang perbelanjaan perubatan yang kami tanggung dalam mengeluarkan rider ini. Selepas Tempoh Bertenang - Anda boleh membatalkan rider anda pada bila-bila masa dengan permintaan secara bertulis kepada kami. Setelah pembatalan rider, tiada nilai penyerahan yang akan dibayar dan perlindungan akan ditawarkan sehingga sehari sebelum caj insurans bulanan yang seterusnya dikenakan.	
---	--

MAKLUMAT PENTING: ANDA HARUSLAH MEMASTIKAN BAHAWA RIDER INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI KONTRAK POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU BERHUBUNG DENGAN KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH TERPERINCI. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.	
---	--

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat utama mengenai rider anda.

Tarikh: <dd/mm/yyyy>

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda harus membacanya juga.**

1 Apakah iPayor Waiver 2.0? (Ini adalah produk insurans)

iPayor Waiver 2.0 merupakan rider potongan unit yang mengetepikan Premium Asas masa depan polisi (tidak termasuk sebarang premium tambahan) apabila Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Pemilik Polisi atau apabila Pemilik Polisi didiagnosis dengan mana-mana Penyakit Kritikal (CI) yang dilindungi dalam tempoh perlindungan rider ini, tertakluk kepada tempoh menunggu.

Premium Asas seterusnya yang perlu dibayar (tidak termasuk sebarang premium tambahan) akan diketepikan bermula dari tarikh kematian atau hilang upaya atau tarikh diagnosis mana-mana Penyakit Kritikal yang dilindungi, yang mana yang lebih awal, sehingga tamat tempoh perlindungan rider ini, atau pembatalan pelan asas, yang mana lebih awal. Sebahagian daripada jumlah amaun yang diketepikan akan diperuntukkan ke dalam dana(-dana) berkaitan pelaburan mengikut kadar peruntukan tahun polisi tersebut untuk memampkan polisi berkenaan.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, kami akan tolak unit daripada Jumlah Nilai Dana untuk membayar caj insurans anda dan anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Kematian	Mengetepikan Premium Asas masa depan polisi (tidak termasuk sebarang premium tambahan) apabila mana-mana kematian berlaku kepada Pemilik Polisi
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Mengetepikan Premium Asas masa depan polisi (tidak termasuk sebarang premium tambahan) apabila mana-mana Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) berlaku kepada Pemilik Polisi
Penyakit Kritikal	Mengetepikan Premium Asas masa depan polisi (tidak termasuk sebarang premium tambahan) apabila mana-mana Penyakit Kritikal berlaku kepada Pemilik Polisi

Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah rider ini:

1. Kanser
2. Strok
3. Serangan Jantung

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk mendapatkan penerangan yang lanjut mengenai Penyakit Kritikal yang dilindungi.

Rider anda **mengecualikan** :

- Bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider, mengikut mana yang lebih kemudian.
- Jika HUMK disebabkan oleh keadaan sedia ada yang telah anda alami, atau mempunyai tanda-tandanya wujud, sebelum membeli pelan (e.g. keadaan perubatan).

Catatan: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai rider anda, anda boleh :



Hubungi Kami di:
03-2603 3999



E-mel kami di:
customercare@tokiomarinelife.com.my

3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk rider anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	Tiada premium eksplisit perlu dibayar untuk rider ini kerana ini adalah rider potongan unit.
Tempoh Perlindungan Rider: 3 tahun	
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:	
Caj Insurans	Caj-caj insurans rider ini akan ditolak setiap bulan daripada nilai unit-unit anda. Maklumat caj-caj insurans rider berkenaan yang terperinci akan ditunjukkan dalam ilustrasi jualan.

4

Terma-terma yang lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau rider dimatikan.
 - Nilai tunai produk ini bergantung pada prestasi dana pilihan anda.
 - Tempoh Menunggu - Kelayakan manfaat-manfaat rider ini hanya akan bermula:
 - (i) 60 hari selepas Tarikh Pengeluaran/ Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian, untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintas Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu), dan Penyakit Arteri Koronari Serius.
 - (ii) 30 hari selepas Tarikh Pengeluaran/ Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian, untuk Penyakit Kritikal lain yang dilindungi.
 - Tempoh Tangguh - Anda diberikan tempoh tangguh sebanyak tiga puluh (30) hari bermula dari Tarikh Mesti Bayar Premium untuk membayar Premium Anda, di mana semasa tempoh ini, Rider Anda masih berkuatkuasa.
 - Rider luput - Jika anda tidak membayar premium anda dalam Tempoh Tangguh dan/atau membuat pengeluaran separa, rider anda akan luput, jika Jumlah Nilai Dana tidak mencukupi untuk membayar caj insurans atau caj lain, Jaminan Berkuatkuasa akan dibatalkan dan bayaran manfaat pada masa hadapan akan terjejas.
 - Caj Insurans - Caj insurans adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans yang akan dikenakan pada masa pembaharuan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari awal kepada anda. Sebarang semakan semula yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi seterusnya.
 - Notis Tuntutan - Notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh masa enam puluh (60) hari dari tarikh Kematian dan enam (6) bulan dari tarikh HUMK atau selepas tarikh diagnosis sebarang Penyakit Kritikal. Sila rujuk laman web korporat kami untuk memahami prosedur tuntutan.
 - Caj insurans boleh meningkat secara automatik selepas latihan penetapan semula caj insurans perubatan untuk iPayor Waiver 2.0.
- Catatan:** Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah rider ini.

?

Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan rider anda dengan mengembalikan kontrak polisi kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari selepas rider anda telah dihantar kepada anda. Setelah pembatalan rider, kami akan memulangkan caj insurans penuh bagi rider ini, selepas menolak sebarang perbelanjaan perubatan yang kami tanggung dalam mengeluarkan rider ini.
- **Selepas Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan rider anda pada bila-bila masa dengan permintaan secara bertulis kepada kami. Setelah pembatalan rider, tiada nilai penyerahan yang akan dibayar dan perlindungan akan ditawarkan sehingga sehari sebelum caj insurans bulanan yang seterusnya dikenakan.

MAKLUMAT PENTING:

ANDA HARUSLAH MEMASTIKAN BAHAWA RIDER INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI KONTRAK POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU BERHUBUNG DENGAN KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH TERPERINCI.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.